

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 7: KELESTARIAN ALAM
UNIT 20: SELAMATKAN ALAM KITA
SP: 4.2.1

Tajuk: Budi Sungai

Arahan: Baca dan rujuk buku teks halaman 155. Seret jawapan yang betul bagi melengkapkan idea keseluruhan syair dengan.



Budi Sungai

Dengarlah ini wahai saudara,
Kisah sungai yang terpelihara,
Jernih airnya hingga muara,
Menarik minat teruna dara.

Haiwan akuatik bebas bersarang,
Ikan, buaya, udang, memerang,
Bawah sinaran cahaya terang,
Mencari makanan tidak berkurang.

Kepada tumbuhan sungai berjasa,
Pepohon segar nyaman dirasa,
Indahnya alam dirakam lensa,
Tenang fikiran hidup selesa.

Demi manusia sungai dijaga,
Airnya diminum terasa lega,
Sumber pertanian ekonomi warga,
Sungai khazanah amat berharga.

Syair ini berkisahkan tentang [] yang terpelihara. Airnya yang jernih hingga muara menarik minat orang ramai. Haiwan seperti ikan, buaya, udang dan memerang [] membuat [] dan mencari makanan di bawah pancaran cahaya matahari. Tumbuhan yang hidup di tebing sungai sentiasa segar dan []. Pengunjung dapat merakamkan keindahan [] yang boleh membawa ketenangan [] dan keselesaan []. Manusia hendaklah menjaga sungai kerana sungai merupakan sumber air minuman dan pertanian ialah [] yang tidak ternilai.

Syair ini berkisahkan

hidup

fikiran

khazanah

nyaman

bebas

alam

sungai

sarang

